

26.7.2024  
Siaran Media

**IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

## SITUASI BEKALAN AIR PULAU PINANG: PBAPP LAKSANAKAN FASA 1 PELAN PENGURUSAN KRISISNYA

- Hujan yang rendah menyebabkan masalah bekalan air di beberapa kawasan di Pulau Pinang.**
- Bilangan pengguna terjejas: 7,400**

PULAU PINANG, Jumaat, 26.7.2024: Taburan hujan yang luar dari kebiasaan menyebabkan isu bekalan air yang menjelaskan kira-kira 7,400 pengguna air di bahagian pulau, Pulau Pinang.

### Air Terjun dan Titi Kerawang, bahagian pulau

Taburan hujan yang rendah di kawasan tadahan air (KTA) Air Terjun Pulau Pinang di Daerah Timur Laut (DTL) dan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Pinang, yang paling hampir dengan muka sauk Titi Kerawang di Daerah Barat Daya (DBD) telah mengurangkan air daripada sumber air mentah "tradisional" ini.

Data hujan yang direkodkan di KTA untuk bulan Julai 2024 adalah seperti berikut:

Kawasan Tadahan Air (KTA)		Taburan hujan Julai 2024 (mm)
a.	Air Terjun, Pulau Pinang	100.5
b.	LRA Sungai Pinang	54.0

Hasilnya, output air terawat daripada Loji Rawatan Air Terjun (LRA) telah merosot kira-kira 42.9%, daripada 14 juta liter sehari (JLH) kepada 8 JLH. Sementara itu, pengeluaran air terawat daripada LRA Sungai Pinang (yang bergantung kepada muka sauk Titi Kerawang) juga telah menurun sebanyak 33.33%, daripada 7.2 JLH kepada 4.8 JLH.

Akibatnya terdapat kekurangan air yang dibekalkan ke kawasan kejiranan berikut:

1.	George Town	5.	Mount Erskine
2.	Air Itam	6.	Balik Pulau
3.	Lebuhraya Thean Teik	7.	Pulau Betong
4.	Tanjung Bungah	8.	Bayan Lepas



**PBA**  
Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs



Dalam keadaan biasa, PBAPP akan menampung kekurangan ini dengan menyalurkan air dari LRA lain ke kawasan yang terjejas. Bagaimanapun, berikutan fenomena El Niño 2024, PBAPP juga perlu menangani isu berkaitan kapasiti efektif empangan yang rendah dan paras air Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang di Seberang Perai.

### **Empangan Air Itam Dam and Empangan Teluk Bahang**

Pada 25.7.2024, kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang adalah seperti berikut:

Empangan	Kapasiti Efektif 25.7.2024 (%)	Taburan hujan Julai 2024 (mm)
a. Empangan Air Itam	42.3%	48
b. Empangan Teluk Bahang	32.2%	39

PBAPP mempertahankan rizab Empangan Air Itam di bawah Pelan Tindakan Empangan Air Itam 2024 (AIDAP 2024). PBAPP juga sedang menguruskan bekalan air dengan teliti di kawasan perkhidmatan Empangan Teluk Bahang dan LRA Batu Ferringhi (Teluk Bahang, Batu Ferringhi dan kawasan di Tanjung Bungah dan Tanjung Tokong).

### **Sungai Muda**

Kapasiti efektif Empangan Muda (di Kedah) dilaporkan menjunam kepada 9.9% pada 25.7.2024. Mujurlah kapasiti efektif Empangan Beris (Kedah) berada pada 60.2% dan Kedah sedang melepaskan air ke Sungai Muda.

Walau bagaimanapun, paras sungai di muka sauk Lahar Tiang PBAPP telah menurun di bawah “paras selamat 2.0m” selama 15 hari berturut-turut sejak 11.7.2024. Sehubungan itu, PBAPP sedang melepaskan air dari rizab Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan (EMD) setiap hari untuk menyokong abstraksi air mentah dari Sungai Muda. Pada 25.7.2024, kapasiti efektif EMD adalah “sihat”, pada 88.4%.

Faktor penyumbang kepada paras sungai yang rendah di Lahar Tiang ialah pengabstrakan air mentah untuk tujuan pengairan di hulu muka sauk JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) di Bumbung Lima. PBAPP bekerjasama dengan BKSA/JPS untuk meminimumkan pengabstrakan pengairan supaya tidak menjelaskan operasi bekalan air di Negeri Pulau Pinang.

PBAPP mesti mengabstrak air mentah yang mencukupi dari Sungai Muda (dan melepaskan air daripada EMD) untuk mengekalkan operasi pengeluaran air yang optimum di LRA Sungai Dua, LRA terpenting Pulau Pinang. Air terawat daripada LRA Sungai Dua dibekalkan kepada 465,000 pengguna air di Seberang Perai dan DBD di Pulau Pinang.



**PBA**  
Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs



## Fasa 1 Pelan Pengurusan Krisis PBAPP

September biasanya menandakan permulaan musim hujan di Pulau Pinang dan wilayah Utara. Sehubungan itu, PBAPP sedang melaksanakan Fasa 1 Pelan Pengurusan Krisisnya untuk memastikan bekalan air mencukupi sehingga September.

Tindakan yang sedang dijalankan termasuk:

1. Mengoptimumkan pengeluaran air di LRA Batu Ferringhi dan LRA Guillemard tanpa terlalu menjelaskan kapasiti berkesan Empangan Teluk Bahang. Tindakan ini membolehkan PBAPP mengagihkan sebanyak mungkin air terawat ke kawasan perkhidmatan Air Terjun dan LRA Sungai Pinang;
2. Meningkatkan pengeluaran air terawat di LRA Air Itam tanpa menjelaskan kapasiti efektif Empangan Air Itam. Tindakan ini akan mengurangkan kebergantungan Air Itam kepada air terawat dari Sungai Dua yang kemudiannya boleh dialihkan ke kawasan perkhidmatan pinggir LRA Air Terjun;
3. Mengawal injap dan operasi mengepam untuk mengagihkan air terawat sebanyak mungkin ke kawasan perkhidmatan LRA Air Terjun dan LRA Sungai Pinang untuk menampung kekurangan;
4. Penghantaran lori tangki air dan tangki air statik ke kawasan yang terjejas untuk menyediakan air semasa tempoh permintaan tinggi;
5. Mengawal injap dan operasi mengepam pada waktu luar puncak pada hujung minggu untuk mengoptimumkan pengisian semula 3 kolam air utama di Bukit Dumbar, Bukit Gedung dan Teluk Kumbar. Tindakan ini seharusnya mengekalkan bekalan air yang baik berterusan di DBD di Pulau Pinang pada waktu puncak pada hari bekerja apabila permintaan air tinggi di kawasan perindustrian.
6. Berhubung dengan Badan Kawal Selia Air (BKSA) Pulau Pinang setiap hari untuk menguruskan pengabstrakan air pengairan dari Sungai Muda. Tindakan ini adalah perlu untuk mengelakkan isu pengabstrakan air PBAPP untuk bekalan air awam di Pulau Pinang di Lahar Tiang.
7. Berkomunikasi dengan BKSA untuk memohon operasi pemberian awan dijalankan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Senario bekalan air sekarang menyebabkan beberapa isu bekalan air sementara di Pulau Pinang. Pelaksanaan pelan pengurusan krisis ini mungkin mengakibatkan beberapa kesulitan tambahan.



**PBA**  
Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs



PBAPP memohon pengertian, kesabaran dan sokongan pengguna air Pulau Pinang sehingga hujan tiba pada bulan September. Kami memohon maaf atas segala kesulitan yang berlaku tetapi kami perlu mengambil tindakan untuk mengelakkan krisis air di Pulau Pinang.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)